

Kakitangan awam digesa tingkat jumlah tabungannya

BH - 2/6/2007

Yang di-Pertuan Agong harap kenaikan gaji tingkat produktiviti

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin menasihatkan kakitangan awam yang menerima kenaikan gaji dan pencen mulai Julai supaya meningkatkan tabungan untuk persediaan masa depan.

Pada masa sama, Tuanku Mizan juga mengingatkan peniaga jangan mengambil kesempatan menaikkan harga barang kerana ia memberi kesan buruk serta menjadikan kenaikan gaji kakitangan awam itu tidak memberi kesan.

Dalam titah ucapan sempena ulang tahun Hari Keputeraan Rasmi baginda hari ini, Seri Paduka berharap tambahan pendapatan itu dapat menyuntik semangat baru bagi seluruh warga perkhidmatan awam dalam menambah kualiti dan meningkatkan produktiviti serta mutu perkhidmatan.

"Beta berharap mereka mendapat nikmat dengan tambahan pendapatan ini merancang perbelanjaan dengan lebih realistik dan meningkatkan tabungan demi jaminan masa depan," titah baginda yang disiarkan menerusi radio dan televisyen, malam tadi.

Yang di-Pertuan Agong bertitah, tambahan pendapatan kepada anggota perkhidmatan awam bagaimanapun tidak memberi makna jika peniaga menaikkan harga barang keperluan pengguna.

"Beta ingin mengingatkan peniaga supaya tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barang. Bila berlaku kenaikan harga seluruh rakyat

mendapat kesan buruk dan sesungguhnya kenaikan gaji tidak memberi sebarang makna," titah baginda.

Tuanku Mizan turut melahirkan penghargaan dan menyokong penuh komitmen serta kesungguhan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam usaha membanteras rasuah dan salah guna kuasa serta meningkatkan integriti.

"Beta berharap dan menyeru semua anggota perkhidmatan awam serta rakyat Malaysia agar bersatu, bekerjasama dan menyokong penuh usaha yang digagaskan ini.

"Menjadi hasrat beta melihat rasuah dan penyelewengan dihapuskan agar rakyat Malaysia menjadi warga bermaruah dan dihormati," titah baginda.

Seri Paduka mengucapkan syukur kerana di bawah kepemimpinan Perdana Menteri, negara sejahtera serta

“Rakyat Malaysia berjaya buktikan kepelbagaian bangsa, agama dan budaya yang kita miliki bukan satu halangan atau masalah”

**Yang di-Pertuan Agong
Tuanku Mizan Zainal Abidin**

makmur dan kedudukan ekonomi negara begitu memberangsangkan dengan Indeks Komposit Bursa Malaysia menunjukkan prestasi menggalakkan dan mencapai paras tertinggi dalam sejarah.

Baginda gembira melihat segala program dan inisiatif direncanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) mula mengatur langkah selepas lebih setahun dilancarkan dan berharap kerajaan akan terus komited serta gigih melaksanakan apa yang dirancang.

Sempena sambutan kemerdekaan ke-50 tahun ini, Tuanku Mizan menyeru rakyat menghayati sejarah perjuangan kelahiran Malaysia yang penuh dengan cabaran dan pahit getir demi membebaskan negara daripada penjajah yang sekian lama mencengkam serta melemahkan jiwa anak bangsa.

Baginda bertitah kemerdekaan membawa erti kebebasan yang mutlak amat besar nilainya, namun sebahagian besar rakyat lahir selepas merdeka tidak dapat memahami dan menjiwai pahit getir serta susah payah generasi terdahulu.

"Jika kita tidak menghayati sejarah pejuang kelahiran negara ini kita mungkin tidak dapat menghargai kebebasan. Justeru, fahami, hayati dan jiwailah sejarah perjuangan kemerdekaan ini agar erti kebebasan ini dapat benar-benar kita hayati dan hargai," titah Seri Paduka.

Tuanku Mizan juga melahirkan harapan baginda melihat bukan saja perpaduan rakyat berbilang kaum di

negara ini terus terpelihara, tetapi bertambah kukuh dan utuh merentasi semua perkara.

Baginda bertitah, rakyat berbilang kaum perlu memanfaatkan kesempatan yang ada untuk bergaul, mengenali dan memahami agar lebih menyayangi serta melakukannya dengan penuh kemesraan, keikhlasan dan kepercayaan tanpa rasa curiga.

Baginda akui bukan mudah untuk rakyat berbilang bangsa dan agama mendiami sebuah negara dan berkongsi segalanya dalam keadaan aman, rukun dan damai.

"Namun, rakyat Malaysia berjaya membuktikan kepelbagaian bangsa, agama dan budaya yang kita miliki bukan satu halangan atau masalah, sebaliknya satu keunikan membina kekuatan bersama," titah baginda.

Mengenai taraf negara maju seperti termaktub dalam matlamat Wawasan 2020, baginda bertitah, dalam mencapai matlamat berkenaan, persaingan peringkat global yang perlu dihadapi rakyat begitu kompetitif dan mencabar.

Justeru, titah baginda, rakyat Malaysia perlu bersedia memikul tanggungjawab dan melaksanakan peranan masing-masing dengan sepenuh hati.

"Rakyat Malaysia perlu menjadi warga perkasa dan dinamik yang bukan saja tinggi penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahirannya, tetapi juga tinggi nilai akhlak, moral dan etikanya serta sihat dan cergas tubuh badannya," titah Seri Paduka.

— Bernama